

06/02/2003

Syarikat bersih tanah pertahan tindakan ratakan kawasan

CAMERON HIGHLANDS: Syarikat Deng Seng Enterprise Sdn Bhd yang mencetuskan kontroversi kerana menggunakan jentera berat bagi meratakan kawasan seluas lapan hektar di Blue Valley di sini hingga dilaporkan menyebabkan pencemaran, mempertahankan tindakannya yang didakwa disalahertikan pelbagai pihak.

Syarikat itu mendakwa tindakannya membangunkan tapak pertanian itu yang sebelum ini dimiliki Blue Valley Tea Plantation, bertujuan baik iaitu mahu memperkenalkan teknologi moden dalam sektor pertanian.

Salah seorang pengarah syarikat itu, Kwang Keh Chong, berkata pihaknya kesal kerana banyak pihak memandang serong tujuan sebenar kawasan itu dibangunkan sedangkan kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) sudah diperolehi.

"Kita tidak mahu merosakkan keadaan. Kami bukan syarikat pemaju yang membina bangunan atau kemudahan tetapi hanya penanam sayur.

"Kita sudah berada di sini sejak 30 tahun lalu malah sudah menjangkau dua generasi. Sudah tentu kita tidak akan buat sesuatu (untuk memusnahkan sumber pendapatan)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Deng Seng dikatakan membeli tanah seluas 24 hektar bagi mengendalikan projek penanaman sayur berteknologi tinggi termasuk lapan hektar yang mencetuskan kontroversi itu.

Deng Seng adalah syarikat yang ditubuhkan beberapa syarikat yang kebanyakannya terbabit dalam kegiatan pertanian. Sebahagian daripada tapak itu sudah digunakan bagi projek penanaman tomato.

Kwang juga adalah pengarah Syarikat K C Kwang & Sons Sdn Bhd, salah satu syarikat yang terbabit dalam projek itu.

Mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pihak yang sewenang-wenangnya meratakan bukit serta menjejaskan alam sekitar di kawasan tanah tinggi dikenakan hukuman lebih berat termasuk penjara, Kwang berkata:

"Saya enggan mengulas. Syarikat hanya bersedia mengeluarkan kenyataan apabila keadaan mulai reda."